

30/06/2002

`Kerajaan sedia jumpa pelajar bila-bila masa'

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memberi tumpuan lebih serius kepada golongan pelajar institusi pengajian tinggi, bagi memastikan kecelaruan yang berlaku ketika krisis politik 1999 lalu, tidak berulang.

Justeru, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berjanji Kerajaan akan terus mendampingi pelajar dan meluangkan masa untuk memberi penjelasan terhadap apa juga kemusykilan atau kebimbangan generasi muda ini.

"Kita sanggup menemui mereka pada bila-bila masa. Adalah penting bagi kita memahami mereka dan pada masa yang sama memberi penjelasan. Kalau mereka buat benda lain yang tidak menggembirakan kita, kemudian kita mendapati mereka berbuat demikian kerana tidak faham... jadi kita hanya mempunyai diri kita untuk dipersalahkan.

"Justeru, jika pelajar bersedia untuk memahami, Kerajaan juga bersedia dengan sabar untuk memberi penjelasan dan mendengar pandangan mereka, terutama membabitkan apa yang merisaukan atau membimbangkan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan 2002, di sini, semalam. Turut hadir, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin.

Abdullah berkata, Kerajaan menganggap kumpulan pelajar ini cukup penting bagi memastikan matlamat mencapai status negara maju menjelang 2020 dapat direalisasikan.

"Kita tidak boleh lari daripada hakikat hari nanti, kita akan serahkan pentadbiran negara kepada mereka... oleh itu adalah lebih baik kita mendekati mereka untuk memberi mereka kesempatan memerhati apa yang kita lakukan.

"Kita tidak perlu mengkaji Akta Universiti untuk memberi mereka kebebasan, kerana ketika ini mereka diberi hak untuk memberi pandangan dan mempersoalkan apa juga yang mereka mahu," katanya.

Abdullah ketika berucap meminta semua pelajar supaya menguasai ilmu pengetahuan ke tahap tertinggi kerana hanya melalui cara itu ia dapat membantu negara meneruskan kecemerlangan yang ada sekarang.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah meletakkan asas yang membuka mata masyarakat dunia mengenai kemampuan Melayu untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan mana-mana negara lain.

Bagaimanapun, tegasnya, kejayaan yang ingin dicapai tidak akan datang menggolek sebaliknya ia hanya dapat dicapai dengan kerja keras dan kebijaksanaan rakyatnya menguasai pelbagai ilmu terutama sains dan teknologi.

"Usaha dan perjuangan Dr Mahathir telah memberikan suatu keyakinan baru kepada Melayu. Kerananya, sekarang Melayu berasa mereka boleh mencapai apa saja yang lebih besar. Perdana Menteri telah membuka mata dan minda kita.

"Jika dulu kita bermula dengan slogan Malaysia Boleh dan ia telah memberi kita kejayaan dalam pelbagai bidang, maka sekarang kita patut mengatakan pula `Melayu Boleh' dan ia akan menjadi kebanggaan kepada anak bangsa kita," tegasnya.

Abdullah berkata, dalam arus globalisasi hari ini, dunia menjadi semakin sempit dan setiap apa yang berlaku di negara lain akan memberi kesan kepada masyarakat dunia, justeru hanya mereka yang bijak saja dapat

menangani masalah seumpama dengan pantas dan berkesan.

"Dan Perdana Menteri telah membuktikan seorang anak Melayu, pemimpin Melayu boleh menghadapi sebarang arus globalisasi. Dia bukan saja dihormati, bahkan menyumbang peranan ke aras pelbagai isu globalisasi.

"Jadi kita semua juga hari berada dalam keadaan siap sedia setiap masa, kita perlu fahami situasi dan kemampuan serta kebolehan kita, serta sejauh mana ilmu pengetahuan yang kita ada dapat membantu kelangsungan pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata Kerajaan masih mengkaji cara terbaik untuk melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Matematik dan Sains, serta sama ada ia akan turut membabitkan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

Konvensyen dua hari anjuran Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (Wawasan) bertema `Menjana Kesiagaan Mahasiswa Melayu Dalam Era Globalisasi' itu akan turut disertai Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Khir Toyo dan Ketua Puteri Umno, Azalina Othman.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, yang juga Ketua Pemuda Umno, akan hadir pada majlis penutup petang ini.

(END)